

Isu Zakaria: UMNO Selangor sedia bermesyuarat

SHAH ALAM 27 Okt. - Jawatankuasa Pengurusan Badan Perhubungan UMNO Selangor hanya menunggu arahan untuk menghadiri mesyuarat bagi membincangkan isu pelantikan Anggota Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang melibatkan anggota keluarga dalam masa terdekat.

Sumber UMNO Selangor berkata, UMNO Selangor menyedari minat tinggi yang ditunjukkan terhadap isu anggota Majlis PBT yang melibatkan ahli keluarga terutama dalam isu yang melibatkan Datuk Zakaria Md. Deros dan keluarganya sebagai Anggota Majlis Perbandaran Klang (MPK).

Katanya, walaupun pengurusan UMNO negeri kelihatan seperti tidak akan bermesyuarat dalam minggu ini kerana Hari Raya Aidilfitri namun ia tidak bermakna mesyuarat itu tidak boleh diadakan pada hujung minggu ini.

Katanya, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor boleh memberi notis singkat kepada anggota pengurusan UMNO negeri sekiranya terdapat keperluan untuk diadakan mesyuarat.

"Menteri Besar (Dr. Mohamad Khir Toyo) boleh panggil bila-bila masa. Malam esok pun boleh. Kalau kerja dengan

dia, kita kena bersedia sentiasa untuk bekerja pada bila-bila masa," katanya.

Sumber itu bagaimanapun mengakui masih belum menerima isyarat untuk diadakan mesyuarat berhubung perkara itu.

Pelantikan Zakaria, yang juga Ketua UMNO Bahagian Klang, anak lelakinya, Zainuri dan menantunya, Roselinda Abdul Jamil sebagai ahli majlis MPK dipersoalkan banyak pihak. Zainuri ialah Pemangku Ketua Pemuda Bahagian Klang manakala Roselinda ialah Ketua Puteri bahagian itu.

Mengkaji

Mohamad Khir sebelum ini berkata, pelantikan ahli majlis MPK adalah mengikut konvesyen parti.

Mohamad Khir juga sebelum ini berkata, UMNO Selangor akan mengkaji semula sistem pelantikan ahli majlis perbandaran yang melibatkan anggota keluarga dengan mengambil kira keadaan di seluruh negara agar tidak menimbulkan masalah kepada pengurusan parti secara keseluruhan.

Katanya, UMNO Selangor perlu mengkaji perkara itu dengan mendalam agar sebarang keputusan yang dicapai kelak tidak menimbulkan masalah dan kesan

kepada pihak pengurusan parti di negeri lain.

Sementara itu di **MELAKA**, Zakaria tampil bersama ahli keluarganya pada majlis Jamuan Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Melaka 2006 bersama Perdana Menteri di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) hari ini.

Setiausaha Penerbitan Pejabat Ketua Menteri Melaka, Daud Awang berkata, beliau sempat bertemu dengan Zakaria di luar dewan besar MITC sewaktu Ketua Menteri Melaka, Datuk Mohd. Ali Rustam menyampaikan ucapan.

"Saya tidak sangka akan berjumpa dengannya. Pada mulanya dia dan beberapa ahli keluarganya kelihatan berbual-bual dengan beberapa orang kenamaan di luar dewan.

"Muka dia nampak lain sikit. Dia nampak macam tidak begitu sihat," kata Daud kepada pemberita ketika ditemui pada majlis itu.

Zakaria baru-baru ini melangsaikan cukai taksiran melebihi RM45,000 bagi tiga buah premis termasuk sebuah kediamannya yang lama tertunggak.

Tunggakan cukai taksiran yang dibayar itu melibatkan rumah di Kampung Idaman dan dua premis lain di Klang.

Zakaria sepatutnya menghadap Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah

Isnin lalu bagi menjelaskan kontroversi yang melibatkan dirinya, tetapi dia memilih bercuti bersama keluarga di sebuah calet dipercayai miliknya di Kuala Sungai Baru, Alor Gajah di sini.